

07/05/1998

Persoal kempen jualan murah tidak kira musim

Manja

BERBANDING negara lain, pengguna di negara ini, dalam aspek tertentu, lebih bertuah terutama sejak kita dilanda kegawatan ekonomi. Mereka mungkin merungut kerana harga barangan keperluan harian sentiasa meningkat, tetapi pada masa yang sama gedung-gedung beli-belah terus menawarkan 'harga istimewa' atau 'jualan murah'. Kepada pengguna, khususnya wanita yang memang sudah 'ketagih shopping', mereka pasti terbeli walaupun barangan itu tidak perlu atau memang sudah mereka miliki. Walaupun Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pernah dilaporkan akan mengehadakan musim jualan murah, nampaknya kempen seumpama itu akhir-akhir ini seperti tidak lagi bermusim. Malah, sejak akhir tahun lalu, sentiasa ada jualan sedemikian dengan tema berlainan walaupun kadar harganya masih boleh dipersoalkan. Lebih menarik perhatian, semakin lantang pemimpin kita mengajak rakyat berjimat dan berbelanja secara berhemah, semakin rancak gedung membeli-belah mengadakan 'jualan murah'.

Kerana Malaysia mempunyai banyak perayaan dan hari kelepasan am, banyakkah tema yang digunakan oleh peniaga untuk dijadikan alasan mengadakan jualan murah. Kekerapan musim jualan murah kita menandingi kota beli-belah dunia seperti London, Paris atau New York yang mengehadakan kepada tiga atau empat musim sahaja. Di Malaysia, tidak cukup dengan jualan akhir tahun, jualan Krismas, jualan tahun baru, perayaan berganda, jualan cuti/buka sekolah, mereka juga menggunakan slogan 'jualan gudang', 'jualan menghabiskan stok', 'jualan tutup kedai' dan pelbagai lagi. Anehnya, selepas beberapa ketika, kedai yang kononnya akan ditutup atau berpindah tempat itu masih beroperasi dan mengadakan kempen serupa. Yang mengecewakan pengunjung ialah kebanyakan gudang seumpama ini hanya menawarkan sebahagian kecil barangan mereka pada harga rendah dan kadar harga yang sama juga boleh dibeli di luar musim kempen jualan murah. Itu belum termasuk kempen yang mengambil sempena Hari Ibu, Hari Bapa, Hari Kekasih, Hari Setiausaha, Hari Bos dan pelbagai hari lagi.

Kita tidak persoalkan langkah peniaga mengadakan pelbagai kempen untuk menarik pelanggan ketika ekonomi gawat sekarang apalagi jika ia tidak melanggar undang-undang dan memang mendapat kelulusan pihak berkuasa. Cuma yang kurang sedap sedikit ialah keghairahan mereka mengadakan kempen seumpama itu akhir-akhir ini agak keterlaluan. Contoh terbaik ialah kempen 'Jualan Maal Hijrah' oleh beberapa gedung membeli-belah sejak 28 April lalu. Jika gedung beli-belah sekarang memang kekurangan pengunjung, janganlah perayaan agama pun mahu dijadikan daya tarikan, apalagi sambutan Maal Hijrah yang mempunyai pelbagai hikmahnya kepada umat Islam. Tentulah janggal jadinya apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam perutusan Maal Hijrah mengajak rakyat berhijrah daripada sikap buruk seperti boros berbelanja kepada berjimat, keesokannya gedung beli-belah mencanangkan 'jualan murah' sempena awal kalendar Islam itu. Kita masih boleh terima jika jualan murah Maal Hijrah itu membabitkan barangan yang ada kaitan dengan ibadat seperti kitab, sejadah, jubah dan kopiah tetapi bagaimana kalau ia turut membabitkan barangan tidak halal seperti minuman keras?

Peniaga dan pihak berkuasa yang memberi kebenaran seharusnya lebih sensitif dengan perkara seperti ini. Peniaga boleh mengadakan jualan murah tetapi janganlah menggunakan perayaan agama. Cukuplah dengan kesempatan yang mereka ambil sempena Aidilfitri. Kita bimbang selepas Maal Hijrah

nanti, ada pula peniaga yang mengadakan Jualan Maulud Nabi atau Jualan Nisfu Saaban atau Jualan Raya Korban. Kita bimbang jika tidak dibendung di peringkat awal, taktik gedung beli-belah ini akan diikuti oleh sektor lain seperti hotel, restoran dan hiburan. Kita takut satu ketika nanti, apabila jualan Maal Hijrah ternyata mendapat sambutan, akan ada pula yang menganjurkan Konsert Maal Hijrah atau Maulud Nabi. Restoran dan hotel pula akan menawarkan pakej khas mengambil sempena sambutan keagamaan ini.

Unsur-unsur mengambil kesempatan seumpama itu sekarang sudah ada khususnya pada hari Jumaat. Kerana waktu rehat tengah hari yang agak panjang pada hari Jumaat, ada restoran Barat memberikan harga istimewa kepada pasangan yang berkunjung ke situ untuk makan tengah hari pada hari itu sahaja. Kalau pada waktu biasa RM39++ dikenakan untuk seorang, pada tengah hari Jumaat, kadar itu merangkumi dua orang. Walaupun restoran berkenaan mungkin tidak berniat serong, tindakannya berbuat demikian seolah-olah melawan tarikan azan kepada muslimin ke masjid. Jumaat memang hari istimewa termasuk bagi masyarakat Barat sehingga timbul ungkapan 'Thank God It's Friday'. Bezanya Barat menganggap demikian kerana Jumaat hari terakhir bekerja dan malamnya mereka boleh berpesta sehingga ke pagi Sabtu sedangkan Jumaat bagi umat Islam hari melebihi ibadat.

(END)